

**KAJIAN KEBERKESANAN PERAHU TAMBANG SUNGAI
SARAWAK SEBAGAI PENGANGKUTAN ALTERNATIF UNTUK
MENGHUBUNGKAN BAHAGIAN KUCHING UTARA DENGAN
PUSAT BANDARAYA KUCHING.**

MOHAMAD ADDLY B. MOHAMAD ALI

93586651

**IJAZAH SARJANA MUDA
SENI REKA PERINDUSTRIAN
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SESSI 1996/97**

Penghargaan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Syukur alhamdulillah, saya telah dapat melengkapkan kajian tesis ini sebagai satu lagi sumbangan ilmu buat semua. Saya amat bersyukur diatas kurniaan-Nya dan berharap segala usaha saya selama ini akan dapat dimanfaatkan oleh berbagai pihak. Disini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada beberapa pihak yang terbabit dalam merealisasikan tesis ini khususnya **En. Mohd. Shaleh Hj. Mujir** sebagai penasihat saya, **En. Elias b. Ahmad** sebagai penyelaras tesis untuk **Jabatan Seni Reka Perindustrian** bagi sesi **96/97** ini, secara tidak langsung juga kepada **Ketua Kursus Jabatan Seni Reka Perindustrian** iaitu **En. Mazlan Hj. Abd. Majid** dan para pensyarah Kajian Seni Lukis dan Seni Reka khususnya pensyarah yang memberi syarahan berkenaan penyediaan tesis, tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada **En. Ho Ah Chon BBS,AMN.** kerana keikhlasan beliau dalam memberi kebenaran kepada saya untuk menggunakan koleksi gambar-gambar dari titik peluh beliau selama lebih kurang 40 tahun lalu, **En. Tuah b. Mohd. Nor** dari **Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak**, saudara **Zacharia Hj. Abd. Manan** yang banyak membantu

Sinopsis

Kajian terhadap Perahu tambang di Sungai Sarawak ini adalah sebagai suatu usaha untuk mengetahui sejauhmanakah kepentingannya kepada penduduk setempat khususnya para penduduk yang menetap di kawasan kampung-kampung pinggir Sungai Sarawak serta sumbangannya kepada pusat bandaraya Kuching amnya. Dalam kajian yang di buat , beberapa kaedah telah dilakukan untuk menguji hipotesis penulis yang beranggapan penggunaan perahu tambang akan terus bertahan untuk masa-masa akan datang disebabkan beberapa faktor seperti faktor kebudayaan, ekonomi dan juga faktor persekitaran yang boleh mengekalkan penggunaan perahu tambang disamping terdapatnya golongan yang masih berminat dalam pengusahaan perahu tambang di Sungai Sarawak ini. Dengan data-data yang diperolehi dari dua sumber utama iaitu data prima yang melibatkan aktiviti-aktiviti perjumpaan dengan beberapa pihak yang berkaitan mahupun data sekunder yang diperolehi melalui pembacaan buku-buku, majalah-majalah, risalah-risalah dan sebagainya, maka sudah tentu sedikit-sebanyak dapat membantu dalam menyelesaikan kajian yang dilakukan. Antara kaedah-kaedah yang digunakan dalam melakukan kajian ini adalah secara

Isi Kandungan

	<u>Halaman</u>
Penghargaan	iii
Sinopsis	vii
Isi Kandungan	ix
Senarai gambar, ilustrasi, peta, jadual, graf dan carta	xiii
Senarai Sisipan	xxv
Senarai temubual dan pendapat	xxvii

Bab Satu

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif kajian	5
1.3 Metodologi Kajian	6
1.4 Hipotesis	7

Bab Dua

2.1 Sejarah Penggunaan Perahu	8
2.2 Sejarah pengangkutan di Sarawak	16

Bab Satu

1.1 Pengenalan

Perahu Tambang merupakan salah satu dari pengangkutan yang penting di negeri Sarawak khususnya di Sungai Sarawak. Suatu ketika dulu, ianya digunakan oleh penduduk di pinggir Sungai Sarawak sebagai menghubungkan kawasan-kawasan seperti Bau, Sambir dan Santubong. Pada zaman pemerintahan keluarga Brooke di negeri Sarawak, perahu tambang ini juga telah digunakan sebagai pengangkutan yang menghubungkan kawasan bandar Kuching dengan tempat kediaman Brooke yang terletak di seberang sungai. Selain dari keluarga Brooke, beberapa gabenor Inggeris juga pernah menjadikannya sebagai pengangkutan untuk ke bandar Kuching. Kebanyakan perahu tambang ini dikendalikan oleh masyarakat tempatan yang tinggal dipinggir-pinggir Sungai Sarawak yang terdiri dari kaum Melayu, Melanau dan Iban. Pada masa sekarang, perahu tambang ini masih lagi digunakan oleh sesetengah penduduk di kawasan yang berdekatan dengan pusat bandaraya Kuching.